

Sungai Golok lepasi paras amaran

RANTAU PANJANG: Hujan berterusan sejak beberapa hari lalu menyebabkan sesetengah kawasan terutama berhampiran Sungai Golok ditenggelami air.

Biarpun air Sungai Golok dikatakan belum melimpah, tetapi penduduk sekitar daerah ini mula terjejas.

Tinjauan Harian Metro ke Kampung Terusan dekat Lubok Gong, di sini, menda-

pati kawasan rumah dinaiki air sedalam 0.8 meter.

Kebanyakan penduduk bersiap sedia menghadapi banjir dengan mengalihkan barangan berharga termasuk perabot dan peralatan elektrik ke tempat lebih tinggi.

Seorang penduduk, Che Omar Che Ismail, 51, berkata, dia bersedia menghadapi kemungkinan dengan menambah lantai binaan ba-

ru di kawasan tepi rumah.

Katanya, ia sengaja dibuat lebih tinggi kerana bimbang dinaiki air limpahan Sungai Golok.

"Sebelum ini bahagian lantai rumah saya ditenggelami air sedalam dua meter, tetapi dengan binaan baru ini diharap semua barangan terselamat.

"Namun begitu, sekiranya keadaan dilihat berbahaya, saya akur dengan arahan pihak berkuasa untuk berpindah," katanya yang mempunyai tujuh anak.

Berdasarkan semakan melalui laman web rasmi Ja-

batan Perairan dan Saliran (JPS), setakat jam 6 petang semalam, paras air di Sungai Golok sudah melebihi paras amaran iaitu 8.55 meter berbanding paras bahaya 9 meter.

Paras air di beberapa lagi sungai juga meningkat berbanding paras normal termasuk Sungai Lebir (62.02); Galas (53.89) di Gua Musang; Tangga Krai (18.47) di Kuala Krai; Kusial (11.03) di Tanah Merah; Jeti Kastam (1.51) di Kota Bharu; Sungai Pergau (70.96) di Jeli serta Sungai Semerak (1.05) di Pasir Puteh.



BANJIR...penduduk mengawasi anak mereka bermain air di Kampung Bukit Rata, Rantau Panjang.